

29/08/2003

KL, Jakarta sepakat (HL)

Kadir Dikoh; Muhd Yusuf Abu Bakar

KUCHING: Malaysia dan Indonesia semalam sepakat untuk mengadakan kerjasama lebih bersepadu bagi menangani kemasukan pendatang tanpa izin daripada republik itu ke negara ini.

Kesepakatan itu dicapai dalam pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Megawati Sukarnoputri, diikuti mesyuarat delegasi peringkat tertinggi selama lebih dua jam di sini petang semalam.

Kedua-dua negara juga berazam meningkatkan lagi kerjasama merentas sempadan bagi mengawal udara, laut dan darat termasuk membanteras masalah lanun serta bertukar risikan menangani masalah keganasan.

Mereka turut sepakat untuk menangani masalah penyeludupan manusia, senjata dan pembalakan haram selain kerjasama dalam bidang pertahanan dan pencemaran udara.

Semua langkah itu, yang sebahagiannya dipersetujui pada perbincangan tahunan di Bali Ogos tahun lalu, akan diperkukuhkan lagi selain meningkatkan kerjasama dalam bidang perdagangan.

Bercakap pada sidang akhbar bersama selepas pertemuan itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia berpuas hati dengan banyak langkah yang sudah diambil Jakarta dalam mengurangkan kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara ini.

"Tetapi masih ada lagi masalah yang belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Antara langkah diambil ialah untuk menentukan di mana mereka (pendatang) ini keluar (di Indonesia), di mana mereka masuk di Malaysia, pintu masuk yang mana menjadi pusat kemasukan pendatang atau pusat keluar mereka masuk secara sah.

"Jika mereka itu pendatang tanpa izin pula bagaimana kita hantar mereka pulang. Kita puas hati dengan idea yang dikemukakan," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua pihak juga berbincang mengenai isu keselamatan dan bersetuju untuk bekerjasama lebih erat terutama dalam pertukaran maklumat.

"Kita bincang pelbagai isu antara dua negara dan ada kaitan sedikit dengan isu antarabangsa. Antara lain ialah cara-cara meningkatkan perdagangan, soal sempadan darat, laut dan udara, pelaburan, kerjasama pertahanan dan isu pencemaran udara.

"Tidak ada masalah besar antara dua negara dan kita mudah bekerjasama dalam semua bidang. Jika ada masalah, kita akan selesaikannya melalui rundingan. Saya berharap perbincangan tahunan ini menjadi sebahagian tradisi kerjasama antara dua negara. Tahun depan Indonesia pula menjadi tuan rumah," katanya.

Menjawab soalan wartawan Indonesia, Perdana Menteri mengulangi pendirian Kuala Lumpur bahawa Malaysia tidak akan memberi suaka politik kepada pelarian dari Aceh, sebaliknya mereka dianggap sebagai pendatang tanpa izin dan akan ditahan.

Baru-baru ini, polis menahan 232 rakyat Aceh dalam operasi di depan pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Megawati berkata, banyak perkara dibincangkan tetapi yang lebih ketara untuk ditangani ialah isu penyeludupan sama ada penyeludupan manusia atau senjata selain pembalakan haram.

Dalam soal tenaga kerja, katanya, kedua-dua negara sepakat agar Indonesia terus menghantar pekerja melalui ejen dilantik pemerintah negara

itu dan menentukan pusat keluar mereka bagi menjamin hanya yang sah boleh memasuki Malaysia.

"Kita juga bekerjasama dalam risikan. Sekarang ini Indonesia sedang melakukan usaha bersepadu di Aceh sejak tiga bulan lalu. Kita juga bincang masalah jerebu yang memang kami berusaha sedaya upaya menanganinya terutama di Kalimantan yang hutannya mudah terbakar kerana tanah gambut. Ini dilakukan melalui pengesanan satelit.

"Pihak Indonesia berterima kasih kepada Malaysia yang banyak membantu sewaktu berlaku kebakaran hutan sehingga menyebabkan jerebu. Malaysia juga memberi bantuan pantas bagi menangani masalah lanun dan kami akan terus bekerjasama," katanya.

Menjawab soalan wartawan agensi berita Barat, Megawati menolak andaian kononnya Indonesia tidak melakukan usaha yang mencukupi bagi menangani isu keganasan.

Katanya, masalah itu bukan saja berlaku di Indonesia, malah di mana saja seperti pengebom berani mati di beberapa negara lain. Keganasan juga berlaku tanpa mengira tempat dan masa.

"Kita akui masalah keganasan akan terus berlaku dan ini tidak bisa ditangani secara sendirian. Indonesia akan mengemukakan isu ini pada sidang kemuncak Asean (di Bali) Oktober ini dalam rangka Komuniti Keselamatan Asean," katanya.